

HAK KEBEBASAN BERAGAMA DAN KEPERCAYAAN TERHADAP PENGANUT AGAMA DI NEGARA THAILAND

Ku Azmi Ku Mat

kuazmi34@yahoo.com

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Mohamad Sabri Haron

sabrie@ukm.edu.my

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Salmy Edawati Yaacob

salmy1001@ukm.edu.my

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Wan Zulkifli Wan Hassan

wenzoul@ukm.edu.my

Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Abstrak

Salah satu daripada elemen hak asasi adalah kebebasan individu untuk memeluk agama pilihannya serta mengamalkan kepercayaan agamanya tanpa paksaan dan gangguan dari mana-mana pihak. Negara Thailand dikenali sebagai sebuah negara demokrasi dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk hak kebebasan beragama. Objektif kajian ini memfokuskan kepada kebebasan beragama dalam konteks perlumbangaan Negara Thailand dan mengkaji prinsip kebebasan beragama dalam undang-undang Negara. Metodologi kajian adalah berdasarkan kepada kajian kepustakaan dengan menyaring maklumat-maklumat daripada sumber sekunder seperti buku, majalah, tesis, laman sesawang dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman kebebasan beragama, sikap keterbukaan kedua-dua masyarakat terhadap penganut agama lain dan faktor-faktor yang mempengaruhinya berada pada tahap yang baik.

Kata kunci: kebebasan beragama di Thailand, penganut agama lain dilindungi dengan baik, sejarah pembentukan akta kebebasan beragama di Negara Thailand

Abstract

One of the elements of human rights is the freedom of the individual to embrace religion of his choice and to practice his religious beliefs without coercion and harassment by any party. Thailand is known as a democracy in many aspects of life including the right to freedom of religion. The objective of this study is to focus on religious freedom in the context of the constitution of Thailand and to study the principles of freedom of religion in Thai law. The methodology of this study is based on library research by filtering information from secondary sources such as books, magazines, theses, websites and others. The results show that the level of understanding of religious freedom, the openness of both societies towards other religions and the factors influencing them are good.

Keywords: religious freedom in Thailand, other religions are protected by well, the history of the establishment of a religious freedom act in Thailand

PENGENALAN

Thailand biasa disebut juga Muangthai atau Muangthai Risabdah atau Siam atau negeri gajah putih, terletak di sebelah utara Malaysia (<http://amperpatani1992.blogspot.com>). di Thailand, negeri yang majoritinya beragama Buddha, terdapat lebih dari 10% penduduk Muslim dari seluruh populasi penduduk Thailand yang berjumlah lebih kurang 67 juta orang. Namun begitu, masyarakat pelbagai merupakan fenomena nyata yang tidak mungkin dihindari, kerana ia telah menjadi *Sunnatullah* atau hukum alam yang ditentukan oleh Allah SWT. Dengan itu, manusia telah hidup dalam keadaan pelbagai agama di samping mereka adalah sebahagian daripada pluralisme itu sendiri sama ada secara pasti mahupun aktif. Dalam hal ini, Islam sentiasa mendorong umatnya kearah kerjasama, saling membantu dan bersikap terbuka supaya dapat mewujudkan sebuah kerukunan hidup beragama dalam masyarakat plural. Secara jelas telah diserukan oleh Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah 2:213. Sebagai mana firmanNya,

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ النَّبِيِّينَ مُبَشِّرِينَ وَمُنذِرِينَ وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا احْتَلَفُوا فِيهِ ...

Maksudnya:

Manusia itu adalah umat yang satu. (setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus para Nabi, sebagai pemberi peringatan dan Allah menurunkan bersama mereka kitab yang benar, untuk member keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihan.

Ayat tersebut memberi pengajaran bahawa kesatuan umat di bawah satu Tuhan, kekhususan agama yang dibawa oleh para Nabi dan peranan wahyu dalam mendamaikan perbezaan antara berbagai umat beragama (al-Sha'rawi, 1991) Namun, dalam kajian tentang kedudukan kebebasan beragama dalam undang-undang Negara Thailand juga turut dibincangkan perspektif agama Buddha dan Islam. Ianya merangkumi sejarah pembentukan akta kebebasan beragama dan prinsip-prinsip yang menentukan sempadan kebebasan dalam Perlembagaan Negara Thailand.

KEBEBAAN BERAGAMA DALAM UNDANG-UNDANG NEGARA THAILAND

Dalam membincangkan kebebasan beragama menurut undang-undang Negara Thailand, dua aspek penting yang harus dianalisis iaitu sejarah pembentukan akta hak kebebasan beragama dan prinsip yang menentukan sempadan kebebasan beragama dalam undang-undang. Demikian bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana sejarah membuktikan pengamalan kebebasan beragama diperlakukan di Negara Thailand dan bagaimana reaksi warganegara terhadap pengisytiharannya itu. Manakala perbincangan dari sudut prinsip-prinsip yang menentukan sempadan kebebasan beragama dilakukan bagi tujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pengamalan hak tersebut mendapat jaminan dan perlindungan oleh pihak berkuasa iaitu kerajaan Negara Thailand.

Perkataan kebebasan beragama dalam perspektif Buddha mentakrifkan sesungguhnya manusia memiliki hak dalam menentukan keyakinan agama atau kepercayaan dirinya sendiri dan haknya sentiasa dilindungi tanpa dihalang kedudukan hak tersebut amat tinggi, sempurna dan sakti berbanding dengan hak-hak kebebasan yang lain. Ia terletak pada sanubari setiap manusia yang wujud sejak awal lahirnya seseorang manusia (*The Royal Institute Dictionary* 1982).

Manakala perkataan kebebasan beragama dalam perspektif Islam menurut al-Qaradawi dengan menegaskan bahawa kebebasan adalah antara nilai kemanusiaan yang diberi perhatian oleh Islam, kebebasan dapat melepaskan manusia dari pelbagai bentuk tekanan, paksaan dan penghinaan serta menjadikan manusia sebagai tuan di dunia ini dan menyembah hanya kepada tuhan yang Maha Esa (al-Qaradawi, 2001: 17). Antara dalil yang membuktikan Islam mengakui dan menghormati hak keputusan setiap manusia dalam hal agama terutama golongan *ahl-zhimmi*, yang menempat di negara Islam (lihat Ibrahim, t.th.: 315) sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 256,

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ...

Maksudnya:

Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat ...

Menurut Sayyid Qutb dalam kitab tafsir *Fi Zilal al-Qur'an*, dasar ayat tersebut menyatakan bagaimana Allah S.W.T menghormati manusia dengan menyerahkan kepada mereka kebebasan membuat keputusan tentang kepercayaan. Mereka juga diserahkan tanggungjawab mengamalkan upacara agama mengikut kepercayaannya sendiri (Qutb, 1971: 425).

Manakala perbincangan dari sudut prinsip-prinsip yang menentukan sempadan kebebasan beragama ada dua aspek penting yang harus dianalisis iaitu,

Sejarah Pembentukan Akta Kebebasan Beragama dalam Perlembagaan Negara Thailand

Sejarah membuktikan bahawa keberadaban Thailand tampaknya telah didominasi oleh agama Buddha Theravada (merupakan ajaran yang konservatif dan secara menyeluruh merupakan ajaran terdekat dengan agama Buddha). Sejarah kewujudan ajaran ini diasaskan oleh manusia pada abad ke-6SM iaitu 1 Januari 600SM hingga 31 Disember 501SM dalam kelender Gregory. Ajaran agama Buddha Theravada ini telah menjadi peraturan asas dalam pembentukan moral yang memerangkap ke dalam gaya hidup kalangan rakyat di Negara Thailand dalam pelbagai aspek kehidupan sehingga terbentuknya sistem kepercayaan, pengamalan ibadat, budaya identiti tersendiri malah sistem pemerintahan negara juga tidak terkecuali mempunyai ciri-ciri khusus Buddha Theravada. Dengan demikian, menjadikan tanggungjawab penting setiap pengikut terutama di kalangan pemerintah yang harus bergiat memperjuangkan demi mempertahankan agamanya yang mempunyai kedudukan sebagai agama negara. Untuk merealisasikan perkara tersebut, setiap raja sejak awal pembentukan negara sampai kini terbukti dalam sejarah bahawa ia harus menganut agama Buddha, sehingga Perlembagaan Negara Thailand menetapkan bahawa Raja Thailand harus menjadi Buddhis *The King is a Buddhist* dan penegak agamanya *Upholder of Religions* (Saeng-uthai, t.th.: 55-58). Hal demikian ternyata dalam Perlembagaan Negara Thailand 1997 Seksyen 9 iaitu,

Menganut agama Buddha adalah antara syarat sahnya menjadi raja di Negara Thailand. Apabila seorang itu diresmikan sebagai Raja Negara Thailand, maka ia tidak memiliki hak untuk tukar agama atau menganut mana-mana agama,

sekiranya raja tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan itu, maka ia harus dipecat.

Penyataan ini merupakan syarat khas yang telah ditetapkan oleh undang-undang Thailand dan tidak melibatkan rakyatnya.

Dengan syarat seperti itu, maka tidak mungkin seorang raja menganut agama yang bertentangan dengan penganut agama majoriti di Negara Thailand iaitu agama Buddha Theravada. Andainya, seorang raja itu menganut agama selain daripada agama Buddha, sudah tentu ia tidak akan diberi kepercayaan dan kehormatan oleh rakyatnya. Adapun kenyataan bahawa raja adalah penegak agama, ia diertikan bahawa tanggungjawab penting ke atas seorang raja dalam mempertahankan agama dan menyiarkan agama kalangan khalayak ramai. Walau bagaimanapun, agama lain selain daripada agama Buddha yang ada di Thailand juga turut diperhatikan oleh raja Thailand agar hak penganut agama lain selain daripada agama Buddha dapat dilindungi dengan baik.

Disebabkan majoriti penduduk di Negara Thailand menganut agama Buddha dan keterikatan Buddha dengan legitimasi Negara amat signifikan sehingga mendapat perlindungan serta dokongan yang istimewa daripada kerajaan. Demikian menyebabkan ajaran agamanya mempengaruhi dan menjerat ke dalam sistem pembentukan perundangan Negara. Hak kebebasan beragama yang diisytiharkan dalam Perlembagaan Negara Thailand juga tidak terkecuali dipengaruhi oleh ajaran agama Buddha Theravada. (Detkhat, 2003: 72).

Pengisytiharan kebebasan beragama di Thailand pada peringkat awal kelihatannya belum sempurna dan tidak boleh menjamin serta melindungi hak keselamatan rakyat secara menyeluruh. Justeru itu, kerajaan berkomited dalam usaha meletakkan kesamarataan kalangan penganut sama ada Buddha, Islam, Hindu, Sikh dan Kristian supaya mereka dapat menikmati hak kebebasan beragama sepenuhnya dengan menggubal dan menjelaskan kedudukan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Negara Thailand secara terperinci dan jelas. Akhirnya, Perlembagaan Negara Thailand pindaan 2007 memindahkan akta kebebasan beragama daripada seksyen 38 ke seksyen 37 dan menambahkan perkataan ‘mengikut agama’ sebelum perkataan ‘ajaran agama’ seperti berikut:

Tiap-tiap orang memiliki hak kebebasan yang sempurna dalam beragama, bermazhab dalam agama atau berpegang dengan mana-mana mazhab yang dominan dan bebas dalam mengamal mengikut agama, ajaran agama atau mengerjakan upacara mengikut kepercayaannya selagi ia tidak bercanggah dengan tugas sebagai rakyat dan menjelaskan kemaslahatan atau moral baik bagi rakyat (Perlembagaan Negara Thailand, pindaan 2007).

Undang-undang yang melindungi hak pengamalan agama juga turut dinyatakan dalam akta Perundangan Sami 1962 (pindaan 1992) Seksyen 44 Tri iaitu, “Dilarang memfitnah atau menghina terhadap agama Buddha. Pelanggaran terhadap akta tersebut, akan dipenjara tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi 20 ribu bath (RM 2,000) (Undang-Undang Sami Buddha, pindaan 1992, Seksyen 44 Tri: 8).

Demikian juga dinyatakan dalam Penyusunan Undang-undang Jenayah 1956, pindaan 1976, Seksyen 206 iaitu,

Dilarang membuat perkara-perkara yang boleh menghinakan sesuatu agama, Pelanggaran terhadap akta tersebut, akan dipenjara selama 1-7 tahun atau didenda sebanyak dua ribu sampai empat belas ribu bath (RM200-1,400) atau kedua-duanya sekali (Peruntukan Penggunaan Undang-undang Jenayah, pindaan 1956: 56).

Selain itu, akta tentang memberi bantuan dan sokongan dalam hal pembangunan agama dinyatakan dalam Perlembagaan Negara Thailand pindaan 2007 pada Seksyen 79 iaitu,

Kerajaan harus memberi sumbangan dan melindungi agama Buddha yang merupakan agama yang dianuti oleh majoriti rakyat negara dan juga agama selain daripadanya. Kerajaan juga harus bekerjasama untuk mewujudkan hubungan baik di kalangan penganut agama. Kerajaan juga harus menyokong ke atas setiap agama supaya menggunakan ajaran agamanya dalam membentukkan moral dan akhlak demi untuk mewujudkan pembangunan insan. Kerajaan harus memberi sumbangan dan melindungi agama Buddha (Perlembagaan Negara Thailand, pindaan 2007: 23).

Walaupun setiap warganegara setara dari sudut perundangan dalam menikmati hak kebebasan beragama, tetapi ia tidak dimaksudkan hak tersebut boleh digunakan sewenang-wenangnya sehingga menjelaskan kemaslahatan orang lain ataupun memusnahkan kemakmuran masyarakat. Dustur tertinggi dalam setiap negara berperanan untuk memastikan kemakmuran negara dapat dinikmati bersama. Justeru, pelbagai jaminan melindungi hak yang termaktub di dalamnya harus dilaksanakan dengan penuh keikhlasan, kejujuran dan bertanggungjawab agar setiap penduduk dapat menikmati keharmonian hidup bermasyarakat. Walaupun terdapat beberapa peraturan-peraturan lain yang mungkin boleh menjelaskan kemaslahatan umum di kalangan penganut agama, tetapi kelonggaran untuk mengabaikan sesuatu dasar demi untuk memurnikan keadaan tetap wujud di kalangan pihak pengusa.

Prinsip-prinsip yang Menentukan Sempadan Kebebasan Beragama dalam Undang-undang Negara Thailand.

Perlembagaan yang ada pada setiap negara merupakan dustur tertinggi yang amat penting dan berperanan sebagai batu asas dalam membina keharmonian sesebuah negara dan memastikan kemakmuran negara terus dinikmati bersama. Selain itu, perlembagaan juga berperanan besar dalam membentuk dan menstruktur hubungan kalangan penduduk yang mempunyai pelbagai perbezaan sama ada pemikiran, aliran kepercayaan atau agama, kerana dalam kepelbagaian perbezaan itu terdapat sekatan-sekatan yang boleh melanggar hak dasar manusia yang lain. Setelah manusia dikumpulkan sebagai satu komuniti, maka haruslah membentuk suatu dasar memelihara akan melindungi hak mereka secara saksama atas dasar kemanusiaan. (Wongkamonchet, 1981: 163). Dengan itu, setiap warganegara memiliki hak untuk merasai dan menikmati kebebasan itu.

Kebebasan beragama dalam Perlembagaan Negara Thailand pindaan 2007 pada Seksyen 37, (Pengisytiharan kebebasan beragama dalam Perlembagaan Negara Thailand pindaan 2007 pada Seksyen 37, "Tiap-tiap orang memiliki hak kebebasan yang sempurna dalam beragama, bermazhab dalam agama atau berpegang dengan mana-mana mazhab yang dominan dan bebas dalam mengamal mengikut agama, ajaran agama atau mengerjakan upacaya mengikut kepercayaannya selagi ia tidak bercanggah dengan tugas sebagai rakyat dan menjelaskan kemaslahatan atau moral baik bagi rakyat"), secara amnya ia mengakui dan menjamin bahawa setiap warganegara memiliki hak menganut dan mengamalkan ajaran agama mengikut kepercayaan masing-masing, bahkan menjamin setiap warganegara untuk memilih supaya tidak memeluk mana-mana agama sekalipun. Manakala secara khusus, ianya mempunyai dua aspek penting iaitu kebebasan yang muncul dalam hati murni atau *Freedom of Conscience* dan kebebasan dalam mengamalkannya atau *Freedom of Action*. Walaupun kehidupan warganegara

sudah terikat dengan peraturan dan undang-undang negara, namun dalam ruang kebebasan ini pihak penguasa tidak memiliki hak untuk menentu, mensyarat atau masuk campur dalam hal keyakinan dalam beragama atau memaksa supaya mereka membongkarkan rahsia tentang ajaran agamanya tanpa sukarela (Khrcagham, 1987: 647).

Wissaruttanit (1987: 22), Singkhanaet (2000: 48) dan Pollawan (2004: 235) bersepakat dalam mentakrifkan *Freedom of Conscience* bahawa setiap warganegara memiliki hak untuk menikmati rasa bebas yang ada dalam dirinya dan tidak ada sesuatu pun boleh menghalang atau mengasingkan rasa itu kecuali ruh seseorang itu terkeluar daripada jasadnya. Demikian juga Detkhat turut menegaskan bahawa kebebasan dalam meyakinkan se suatu agama atau kepercayaan merupakan suatu hak bertempat di dalam sanubari hati seseorang secara mutlak, keyakinan itu boleh dinikmati oleh setiap manusia tanpa syarat. Dengan maknanya, kebebasan dalam meyakinkan sesuatu agama atau kepercayaan yang ada dalam kalangan warganegara itu telah membataskan kuasa pihak kerajaan dalam menentu atau masuk campur dalam hal kepercayaan mereka (Detkhat, 2003: 90).

Manakala kebebasan dalam mengamalkan amalan agama atau *Freedom of Action*, ia merupakan kebebasan yang memberikan hak kepada setiap warganegara untuk mengamalkan amalan agama mengikut kepercayaannya. Untuk memastikan hak tersebut dapat diperlakukan secara berkesan, terlebih dahulu ia harus mempunyai kebebasan hati nurani atau *freedom of conscience* dalam diri seseorang dan menterjamahkan dalam bentuk praktik ianya disebut sebagai *relative*. Dalam hal ini, para sarjana Undang-Undang Negara Thailand menggariskan batasan-batasan sebagai prinsip asas dalam mengamalkannya iaitu,

- i. Bebas dalam mengamalkan amalan agama mengikut kepercayaanya sama ada secara bersendirian ataupun di hadapan khalayak ramai
- ii. Bebas dalam mendapat pendidikan agama.
- iii. Bebas menumbuhkan persatuan dalam agama.
- iv. Bebas berkomunikasi dalam hal agama.
- v. Bebas dalam memilih tempat untuk membangunkan rumah ibadat.
- vi. Bebas menyiaran agamanya sama ada secara tersembunyi ataupun secara terbuka.
- vii. Bebas untuk menyembunyi atau merahsiakan ajaran agamanya (Ekpaopun, 2005: 16; Dittha-aphichai, 2006: 57; Pollawan, 2004: 241).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa prinsip-prinsip yang menentukan sempadan kebebasan beragama dalam Undang-undang Negara Thailand melalui pengistiharan akta kebebasan beragama pada Seksyen 37 menggambarkan bahawa Kerajaan Thailand mengakui hak kebebasan beragama dengan mengizinkan setiap warganegara bebas untuk memeluk agama atau kepercayaan mengikut keyakinannya masing-masing tanpa dipaksa. Hak kebebasan itu juga diberikan kepada setiap warganegara yang memutus untuk tidak menganut mana-mana agama. Dengan pelbagai pemberian hak kebebasan, namun ia tidak diertikan setiap warganegara memiliki hak sewenang-wenangnya, tetapi pengamalan hak tersebut harus dipandukan dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan secara bermoral agar setiap warganegara dapat merasai dan menikmati hak kebebasan beragama secara saksama. Sekiranya kebebasan beragama itu diamalkannya secara menepati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan, maka setiap warganegara dijamin akan mendapat perlindungan dari pihak berkuasa sekiranya terbukti hak pengamalan mereka itu dihalang.

KESIMPULAN

Sebagai penutup, Buddha amat menghargai hak kebebasan yang ada pada setiap manusia dengan menstrukturkan peraturan hidup sosial berdasarkan kepada moral, agar manusia sentiasa membuat pertimbangan yang wajar dalam setiap tindakan. Kebebasan dalam agama Islam juga terbukti mempunyai hubungan yang signifikan dengan hak asasi manusia dari aspek tiada pembahagian kelas dalam hidup bermasyarakat dan sikap menyayangi. Justeru itu, ajaran Buddha telah menjadi peraturan asas dalam pembentukan moral yang memerangkap ke dalam gaya hidup rakyatnya sehingga terbentuk sistem kepercayaan, pengamalan ibadat, budaya, identiti tersendiri malah sistem pemerintahan negara juga tidak terkecuali mempunyai cirri-ciri khusus Buddha.

RUJUKAN

- al-Qur'an al-Karim
- Akta Perundangan Sami 1962 (Pindaan 1992) Seksyen 44 Tri.
- Detkhat, R. (2003). *Liberty of religion according to Constitution of Thailand*. Disertasi Sarjana, Fakulti Undang-undang, Thammasat University, Thailand.
- Dittha-aphichai, C. (2006). *The Way of Human Rights*. Bangkok: Sukhum & But.
- Ekpaopun, C. (2005). *The protection of rights and Libertyin Constitutional by constitution court*. Tesis Sarjana, Fakulti Undang-undang, Thammasat University, Thailand.
- Khrcagham, W. (1987). *Description of the Constitution*. Ed. ke-3. Bangkok: Bannakarn.
- Mustafa, Ibrahim. (t.th.). *Mu'jam al-Wasif*. Turki: Maktabah al-Islamiyyah.
- Perlembagaan Negara Thailand 1997 Seksyen 9.
- Perlembagaan Negara Thailand Pindaan 1992, Seksyen 44 Tri.
- Perlembagaan Negara Thailand Pindaan 2007 memindahkan akta kebebasan beragama daripada Seksyen 38 ke Seksyen 37.
- Peruntukan Penggunaan Undang-undang Jenayah, Pindaan 1956.
- Pollawan, K. (2004). *Human Righis in Thailand*. Bangkok: JV Printing.
- Qutb, Sayyid. (1971). *Fi Zilāl al-Qur'ān*. t.tp.: t.pt.
- Saeng-Uthai, Y. (t.th.). *Description Constitution of the Kingdom of Thailand 1968*. Pranakhom: Khang Wittaya.
- al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. (1991). *Tafsir al-Sha'rawi*. Jil. 2. al-Qahirah: Dar Akbbir al-Yaum.
- Singkhanaet, B. (2000). *Principles of Freedom and Human Dignity under the Thailand Constitution*. Bangkok: Samnakpin Winyuchon.
- The Royal Institute Dictionary*. (1982). Bangkok: The Royal Institute of Thailand.
- Undang-undang Sami Buddha, Pindaan 1992, Seksyen 44 Tri.
- Wissaruttanit, W. (1987). *The Rights and Freedoms under the Thailand Constitution*. Bangkok: Samnakpim Winyuchon.
- Wongkamonchet, D. (1981). *Political and Social Theory*. Bangkok: Dungdaed.